

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**  
**TARIKH** : **KHAMIS, 19 MAC 2015**  
**RUJUKAN** : **L6 [PR-1331-L67220]**  
**SOALAN** :

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha yang dibuat untuk mewujudkan zon hijau dalam kerancangan pembangunan di Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit Buntar, bagi menambah kawasan hijau di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memperkenalkan dasar menambah kawasan hijau melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Mengenakan syarat kepada semua pemaju pembangunan untuk menyediakan 10% kawasan lapang dalam setiap tapak yang dimajukan;
2. Mengenakan syarat untuk menyediakan 5% - 10% kawasan lapang berpusat untuk tujuan awam bagi projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan pembangunan semula yang mempunyai keluasan melebihi 10 ekar; dan
3. Menyediakan 4 meter kawasan lapang bagi pembangunan di sepanjang koridor Sungai Gombak dan Sungai Kelang.

Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga melaksanakan usaha meningkatkan penghijauan bandar dengan menggalakkan para pemaju menyediakan:

1. Lanskap menegak (*vertical landscape*);
2. Taman di atas bumbung; dan
3. Penghijauan kawasan tempat letak kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit Buntar juga, melalui Projek Penghijauan Kuala Lumpur dalam inisiatif NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menanam 135,734 batang pokok rendang di kawasan taman-taman, tepian jalan dan kolam tadahan sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2014.